



Terma dan Syarat yang Mentadbir Penyewaan Peti Simpanan Keselamatan

1. Dalam Terma dan Syarat, terma:

"Bank" bermakna dan merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company No.199301017069 (271809-K)) dan serta cawangannya yang menyediakan perkhidmatan Peti Simpanan Keselamatan.

"Peti" bermakna dan merujuk kepada Peti Simpanan Keselamatan yang disewakan oleh Bank kepada Penyewa.

"Penyewa" bermakna dan merujuk kepada pelanggan (korporat atau tidak diperbadankan) yang menyewa Peti, dan mana-mana pihak lain yang diberikan kuasa oleh Penyewa untuk menguruskan penyewaan dan untuk mengakses Peti.

2. Bank bersetuju untuk menyewakan, dan Penyewa bersetuju untuk menyewa sebuah Peti Simpanan Keselamatan (selepas ini dirujuk sebagai "Peti") pada kadar sewa setahun sedemikian yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa (selepas ini dirujuk sebagai "Sewa") dan pada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam ini ("Perkhidmatan"). Kadar semasa untuk yuran dan caj tersedia di cawangan kami, laman web rasmi di www.uob.com.my atau atas permintaan anda.
3. Penyewa akan membayar Sewa ini terlebih dahulu pada dasar tahunan. Untuk tujuan ini, Sewa sedemikian yang pertama perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank pada tarikh pembukaan akaun bagi penyewaan Peti sehingga akhir tahun pembukaan akaun tersebut dan selepas itu pada 1 Januari setiap tahun.
4. Jika sebarang bayaran Sewa dijelaskan melampaui tempoh matang pembayaran, Bank boleh:-

- (i) mlarang Penyewa daripada mengakses Peti pada bila-bila masa sehingga Penyewa menyelesaikan bayaran Sewa yang tertunggak serta caj pentadbiran;
- (ii) mengenakan satu fi dan caj pentadbiran untuk setiap peringatan yang dikeluarkan kepada Penyewa untuk membayar Sewa tertunggak dan akses berikutnya kepada Peti;

Tertakluk sentiasa bahawa tiada yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini akan menjadikannya wajib pada pihak Bank untuk mengeluarkan sebarang peringatan kepada Penyewa untuk menyelesaikan bayaran Sewa yang tertunggak.

5. Perlindungan insurans maksimum yang disediakan oleh Bank ialah RM10,000.00 untuk semua kerugian dan/atau ganti rugi pada item di dalam Peti. Penyewa memahami bahawa tiada perlindungan insurans yang disediakan oleh Bank untuk





sebarang kehilangan atau kerosakan akibat daripada kebakaran, air atau sebarang sebab lain. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dan kerosakan yang timbul daripadanya. Penyewa juga bersetuju bahawa Penyewa hendaklah mengatur perlindungan insurans tambahan untuk melindungi kepentingan Penyewa sendiri jika perlindungan yang disediakan oleh Bank dianggap tidak mencukupi untuk melindungi kepentingan Penyewa.

6. Penyewa mengakui bahawa Sewa yang dibayar kepada Bank adalah nominal dan tidak setara dengan nilai item yang Penyewa mungkin simpankan di dalam Peti. Memandangkan ini, Penyewa secara nyata bersetuju bahawa liabiliti Bank (jika ada) sama ada di bawah terma ternyata atau tersirat Terma dan Syarat ini atau menurut Undang-undang Lazim, atau dalam apa-apa cara lain pun (kecuali untuk kecuaian Bank dan/atau kecuaian kakitangan, pekerja atau agen Bank), yang timbul daripada atau berhubung dengan penyewaan Peti tidak akan melebihi sepuluh (10) kali kadar Sewa lazim atau Sepuluh Ribu Ringgit (RM10,000-00) pada bila-bila masa, yang mana lebih rendah ("Liabiliti Maksimum") dan tiada bayaran akan dilakukan oleh Bank di bawah ini sehingga Penyewa mengemukakan satu tuntutan bertulis kepada Bank dan mematuhi keperluan lain sedemikian yang Bank mungkin kenakan dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan dokumentasi sokongan yang mungkin dianggap perlu oleh Bank. Penyewa bersetuju bahawa klausa ini akan terpakai sama ada anda memulakan tindakan undang-undang atau membuat tuntutan terhadap Bank untuk kerugian tersebut menurut Terma dan Syarat ini.

Penyewa dinasihatkan untuk mengatur perlindungan insurans tambahan untuk melindungi kepentingan Penyewa sendiri jika nilai item yang Penyewa simpankan di dalam Peti melebihi Liabiliti Maksimum.

7. Bank tidak akan terjejas oleh sebarang notis mengenai apa-apa amanah atau ekuiti yang berkaitan dengan kandungan Peti atau mana-mana bahagian daripadanya.

Terma dan Syarat ini tidak akan memberikan Penyewa apa-apa kelebihan atau kepentingan lain selain daripada lesen untuk menggunakan Peti dalam tempoh Perkhidmatan ini untuk pendepositan barang yang sesuai selaras dengan terma dan syarat ini.

Bank tidak akan dianggap sebagai "bailee" untuk kandungan Peti atau apa-apa bahagian daripadanya. Tertakluk kepada Klausa 8 Terma dan Syarat ini, Bank tidak mengambil berat tentang sifat dan nilai kandungan Peti.

8. Penyewa boleh mendepositkan sebarang item di dalam Peti kecuali yang berikut:-
 - (i) sebarang bahan cecair atau yang mudah rosak; atau
 - (ii) apa-apa barang yang bersifat bahan letupan, berbahaya atau menjijikkan; atau





- (iii) apa-apa barang yang dilarang dari segi undang-undang atau bersifat haram; atau
- (iv) apa-apa yang mungkin menjadi pengganggu kepada Bank atau pelanggan Bank.

DAN Penyewa akan membenarkan Bank untuk memeriksa kandungan Peti pada permintaan bagi tujuan memastikan bahawa syarat ini dipatuhi pada setiap masa.

9. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Penyewa atau dipertanggungjawabkan dalam apa-apa cara untuk sebarang kerugian atau ganti rugi pada kandungan Peti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:
 - (i) kehilangan Kunci oleh Penyewa; atau
 - (ii) sebarang tindakan oleh individu yang menyamar sebagai Penyewa atau individu yang diberi kuasa oleh Penyewa; atau
 - (iii) kecuaian kakitangan, pekerja atau agen Bank; atau
 - (iv) pelaksanaan mana-mana hak, kuasa atau remedinya oleh Bank di bawah peruntukan Terma dan Syarat ini; atau
 - (v) sebarang tindakan oleh mana-mana pelanggan Bank atau mana-mana individu lain ketika berada di premis Bank; atau
 - (vi) apa-apa malapetaka semula jadi, bencana alam, banjir atau kilat; atau
 - (vii) apa-apa kebakaran atau letusan; atau
 - (viii) apa-apa kecurian, rompakan dengan atau tanpa keganasan, bersenjata atau sebaliknya; atau
 - (ix) perang, rusuhan, sabotaj, kekacauan awam atau perampasan atau pemilikan negara atau tuntutan atau kemusnahan, atau kerosakan kepada hartanah oleh atau di bawah perintah sebarang kerajaan atau pihak berkuasa awam; atau
 - (x) apa-apa sebab di luar kawalan Bank atau kawalan kakitangan, pekerja atau agen Bank.

Sehingga tahap sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Penyewa atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau ganti rugi pada kandungan Peti bagaimana sekalipun berlaku.





10. Pada pelaksanaan Terma dan Syarat ini, Bank akan memberikan Penyewa satu sampul surat tertutup yang mengandungi dua (2) kunci kepada Peti (di mana, bersama dengan sebarang penggantian kepadanya, akan dirujuk secara kolektif selepas ini sebagai "Kunci"). Penyewa mengakui penerimaan sampul surat tertutup serta kandungan dalam sampul surat tertutup tersebut.
11. Penyewa akan memaklumkan Bank dengan serta-merta jika satu atau kedua-dua Kunci tersebut telah hilang atau tersalah letak. Jika ini berlaku, Bank mungkin mendapatkan satu set pengunci dan kunci yang baru sebagai ganti pada permintaan dan perbelanjaan Penyewa Dengan Syarat bahawa penggantian pengunci dilaksanakan oleh pekerja yang dikontrakkan oleh Bank dengan kehadiran Penyewa.
12. Pada pelaksanaan Permohonan Untuk Menyewa Peti Simpanan Keselamatan ini, Penyewa akan membayar Bank jumlah sedemikian yang akan ditentukan oleh Bank sebagai jaminan untuk pemulangan Kunci dan Peti oleh Penyewa kepada Bank pada penamatian Perkhidmatan ini (selepas ini dirujuk sebagai "Deposit Jaminan"). Tertakluk Kepada Bank untuk menggunakan Deposit Jaminan terhadap pembayaran sebarang jumlah perlu dibayar dan terutang oleh Penyewa kepada Bank sama ada menurut Terma dan Syarat ini atau sebaliknya, Deposit Jaminan akan dikembalikan kepada Penyewa tanpa faedah Dengan Sentiasa mengikut Syarat bahawa Penyewa telah mematuhi tanggungjawab Penyewa seperti yang dinyatakan dalam Klausa 17(ii) Terma dan Syarat ini.
13. Di mana Penyewa adalah sebuah syarikat, Penyewa akan menyediakan semua dokumen dan resolusi yang mungkin diperlukan oleh Bank pada pelaksanaan Permohonan Untuk Menyewa Peti Simpanan Keselamatan ini.
14. Segala tindakan yang dilakukan oleh Penyewa di bawah Terma dan Syarat ini dan semua akses kepada Peti (termasuk pendepositan serta pengeluaran kandungan atau mana-mana bahagian daripada Peti tersebut) akan dilaksanakan oleh individu-individu seperti berikut:-
 - (i) jika Penyewa seorang individu, pelaksanaan akan dilakukan oleh Penyewa sendiri. Tertakluk sentiasa bahawa di mana Peti disewa dalam nama bersama untuk dua atau lebih daripada dua individu, pelaksanaan akan dilakukan oleh Penyewa secara individu atau bersama;
 - (ii) jika Penyewa sebuah syarikat, individu yang diberi kuasa oleh Penyewa menurut resolusi lembaga pengarah syarikat Penyewa atau melalui pelaksanaan wajar surat kuasa (salinan yang disahkan benar yang akan didepositkan dengan Bank bersama dengan contoh tandatangan individu yang diberi kuasa sedemikian);





- (iii) jika Penyewa suatu perkongsian, individu yang diberi kuasa oleh rakan kongsi menurut sijil perkongsian (salinan yang disahkan benar yang akan didepositkan dengan Bank bersama dengan contoh tandatangan individu yang diberi kuasa sedemikian);

Dengan Syarat bahawa, untuk setiap kes, individu yang dinyatakan di atas mesti melengkapkan dan melaksanakan satu borang permintaan dalam bentuk dan kandungan yang ditentukan oleh Bank bagi tujuan mengakses Peti tersebut pada setiap masa dan Bank tidak diwajibkan untuk membenarkan mana-mana individu untuk mengakses Peti jika -

- (a) individu tersebut tidak boleh menyediakan cara pengenalan sedemikian kepada Bank seperti mana yang Bank mungkin perlukan oleh Bank; atau
 - (b) Bank tidak dapat mengesahkan tandatangan individu yang dinyatakan dalam borang permohonan tersebut; atau
 - (c) Penyewa telah gagal melaksanakan mana-mana tanggungjawab Penyewa kepada Bank sama ada menurut Terma dan Syarat ini atau sebaliknya; atau
 - (d) Bank menganggap bahawa terdapat apa-apa sebab lain untuk menghalang Penyewa mengakses Peti.
15. Penyewa dibenarkan untuk mengakses Peti hanya pada waktu perbankan lazim Bank atau pada waktu sedemikian yang Bank mungkin tentukan dari semasa ke semasa.
16. (i) Perkhidmatan ini akan dibatalkan jika mana-mana kejadian berikut berlaku:-
- (a) Mana-mana pihak di sini melakukan apa-apa pelanggaran (selain daripada pelanggaran material) dalam mana-mana Terma dan Syarat ini dan telah gagal untuk menebus sebarang pelanggaran tersebut dalam tempoh (14) hari selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak yang tidak ingkar, melalui notis bertulis yang mengenal pasti pelanggaran dan tindakan yang mesti diambil untuk membetulkannya; atau
 - (b) mana-mana pihak di sini memasuki atau mencadangkan suatu pengaturan sukarela atau komposisi dengan pemutangnya atau suatu perintah penerimaan dilakukan terhadapnya atau jika notis diberi untuk mesyuarat pemutang berhubung dengan pembubaran pemutang atau jika satu resolusi khas diluluskan bahawa ia akan dibubarkan oleh mahkamah (seperti mana kes yang mungkin berlaku) atau suatu penahanan dikenakan ke atas hartanahnya atau suatu pelaksanaan dikenakan ke atas premisnya;





akibatnya di mana pihak yang tidak ingkar akan berhak untuk menamatkan Perkhidmatan ini dengan serta-merta.

17. (i) Walaupun dengan mana-mana peruntukan bertentangan dalam Terma dan Syarat ini:-

- (a) Bank boleh pada bila-bila masa menamatkan Perkhidmatan ini dengan memberi Penyewa notis bertulis tiga puluh (30) hari yang menyatakan tujuan Bank untuk menamatkan Perkhidmatan ini. Jika kejadian ini berlaku, Bank akan membayar balik bahagian Sewa sedemikian yang telah dibayar oleh Penyewa kepada Bank pada dasar pro rata;
- (b) Penyewa boleh menamatkan Perkhidmatan ini pada bila-bila masa dengan memberikan Bank notis bertulis tiga puluh (30) hari yang menyatakan niat Penyewa untuk menamatkan Perkhidmatan ini dan bagi tujuan ini, penamatan oleh salah seorang daripada Penyewa dalam kes penyewa bersama akan dianggap sebagai penamatan yang dilakukan oleh Penyewa semua untuk Peti tersebut;

oleh itu, Perkhidmatan ini akan ditamatkan dan penguatkuasaannya akan dihentikan pada penerimaan notis tersebut oleh pihak yang lain, dan selepas itu kedua-dua pihak tidak mempunyai sebarang tuntutan terhadap pihak yang lain melainkan dan kecuali untuk sebarang pelanggaran sebelumnya pada Terma dan Syarat ini.

- (ii) Pada penamatan Perkhidmatan ini, Penyewa akan melaksanakan yang berikut dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penamatan tersebut atau tempoh lanjutan sedemikian yang akan diberikan oleh Bank :-

- (a) melaksanakan satu borang pelepasan dalam bentuk dan kandungan yang ditetapkan oleh Bank serta dokumen lain sedemikian yang mungkin diperlukan oleh Bank;
- (b) menyelesaikan semua bayaran Sewa tertunggak serta sebarang jumlah lain yang perlu dibayar dan berhutang kepada Bank (jika ada); dan
- (c) memulangkan Kunci dan Peti yang dikosongkan kandungannya kepada Bank;

Dengan Syarat bahawa jika Penyewa gagal untuk melaksanakan tanggungjawab Penyewa dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini, Bank akan berhak untuk:-





- (aa) memecah buka Peti pada kos dan perbelanjaan Penyewa dan memindahkan kandungan Peti ke tempat atau premis lain sedemikian yang Bank mungkin anggap sesuai, tanpa dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau ganti rugi akibat daripadanya dan tertakluk kepada caj sedemikian yang Bank mungkin kenakan untuk menyimpan kandungan tersebut dengan selamat; dan/atau
- (bb) menjual sebahagian atau semua kandungan Peti melalui lelongan awam, persetujuan persendirian atau sebaliknya, dan untuk menggunakan hasil kutipan daripada jualan tersebut untuk menyelesaikan kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan jualan, tunggakan Sewa dan sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank pada masa tersebut. Bagi tujuan ini, Bank akan mengenakan lien atau caj pada kandungan Peti untuk semua bayaran Sewa tertunggak serta jumlah yang perlu dibayar dan berhutang oleh Penyewa kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini;

Dengan Syarat Selanjutnya bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian yang disebabkan oleh jualan mana-mana atau semua kandungan Peti. Bank akan mengekalkan hasil kutipan lebihan dari jualan, jika ada, pada arahan Penyewa tanpa sebarang liabiliti untuk faedah. Bank selanjutnya dapat memilih untuk menghantar baki kandungan Peti dan sebarang hasil lebihan melalui pos atau apa-apa cara lain sedemikian pada kos dan risiko Penyewa ke alamat terakhir Penyewa yang terdapat dalam rekod Bank.

- (iii) Jika Bank menamatkan Perkhidmatan ini yang bukan akibat daripada keingkaran Penyewa, Bank akan membayar balik bahagian Sewa untuk tempoh yang Penyewa belum gunakan untuk Peti. Untuk mengelakkan keraguan, tiada pembayaran balik Sewa yang akan diberikan dalam sebarang kes penamatan yang lain.
18. Jika berlakunya kematian, kebankrapan, pembubaran atau ketidakupayaan sah bagi Penyewa atau mana-mana seorang daripada Penyewa (dalam kes penyewa bersama), Bank mungkin menyerahkan kandungan Peti (selepas ini dirujuk sebagai "Kandungan") kepada wakil peribadi sah, kurator, penjaga sah, pemegang amanah dalam kebankrapan, penerima dan pengurus atau penyelesai pada pengemukaan dokumen sah yang diperlukan seperti mana yang Bank mungkin anggap sesuai Tertakluk Sentiasa bahawa dalam kes di mana Peti disewa dalam nama bersama untuk dua atau lebih daripada dua individu, Bank akan menyerahkan Kandungan tersebut kepada penyewa yang masih hidup jika berlakunya kematian salah satu daripada Penyewa. Dengan itu, adalah dipersetujui bahawa Bank akan dilepaskan sepenuhnya daripada kewajipan dan tanggungjawab Bank di bawah Terma dan Syarat ini pada penerimaan Kandungan oleh individu yang dinyatakan di atas.





19. Pada kematian Penyewa, Bank mungkin, sebelum pengeluaran sebarang Pemberian Probet atau Surat Pentadbiran membenarkan mana-mana individu yang mendakwa berhak untuk mentadbir estet penyewa yang meninggal dunia untuk membuka Peti dan memeriksa kandungannya dalam kehadiran seorang pegawai Bank. Bank juga mungkin membenarkan individu tersebut untuk mengeluarkan sebarang wasiat atau dokumen menurut wasiat dengan syarat bahawa Bank telah membuat salinan fotokopi untuk dokumen tersebut dan Bank dengan ini dapat menyimpan salinan fotokopi tersebut untuk tujuan rekod Bank. Dengan ini, adalah dipersetujui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul sekalipun daripada apa-apa tindakan yang dilakukan menurut Klausu ini.

20. Sebagai tambahan kepada sebarang hak umum untuk menolak selesai di bawah undang-undang atau sebarang perjanjian lain, Penyewa bersetuju bahawa Bank mungkin menggabung, mengukuh atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Penyewa (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan Bank, sama ada secara berasingan atau bersama dengan mana-mana individu lain. Selepas memberikan Penyewa notis tujuh (7) hari, Penyewa membenarkan Bank untuk menolak selesai atau memindah sebarang jumlah yang berada dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian ("Deposit") ke dalam atau terhadap penyelesaian liabiliti Penyewa kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana perjanjian lain atau dalam apa-apa perkara lain, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini atau masa hadapan, sebenar atau kontinjen, utama atau sampingan, dan berasingan atau bersama ("Liabiliti").
 - (i) Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausu 20 di atas, Penyewa bersetuju bahawa Bank berhak untuk memperuntukkan atau memegang Deposit sebelum menolak selesaiya dan Penyewa tidak layak untuk mengeluarkan sebarang Deposit tersebut tanpa kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu.

 - (ii) Di mana kombinasi, tolakan, penggabungan atau pemindahan sedemikian memerlukan penukaran daripada satu mata wang ke mata wang yang lain, Penyewa bersetuju bahawa penukaran tersebut akan dikira pada kadar pertukaran "spot" samasa Bank pada masa tersebut.

21. Bank boleh mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dengan memberikan Penyewa notis dua puluh satu (21) terlebih dahulu dalam apa-apa cara yang disediakan di dalam Terma dan Syarat ini. Jika Penyewa tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, Penyewa mesti





memberikan Bank notis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh di mana Penyewa dianggap telah menerima notis Bank seperti yang disediakan, selaras dengan klaus 17(i)(b) di atas, untuk menamatkan Perkhidmatan ini. Jika Penyewa tidak berbuat demikian, Penyewa akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan pindaan tersebut dan pindaan sedemikian akan terikat pada Penyewa.

22. Penyewa bersetuju untuk membenarkan Bank (termasuk pegawai, kakitangan, agen Bank atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh Bank untuk mengakses rekod, surat-menjurut atau apa-apa bahan lain yang berkaitan dengan Penyewa atau akaun Penyewa) untuk mendedahkan pada bila-bila masa, maklumat yang berkaitan dengan Penyewa, akaun Penyewa dan mana-mana individu yang dibenarkan oleh Penyewa untuk yang berikut:
 - (i) mana-mana cawangan Bank, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan, dan pegawai, kakitangan atau agen mereka masing-masing, sama ada yang berada di Malaysia atau di tempat lain, dan termasuk Bank ("Kumpulan") untuk apa-apa tujuan berikut:
 - (a) menyediakan Penyewa dengan perkhidmatan perbankan;
 - (b) pelaporan;
 - (c) pemadanan data;
 - (d) meningkatkan dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh Bank;
 - (e) penipuan atau pencegahan jenayah;
 - (f) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berkaitan dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
 - (g) kutipan hutang;
 - (h) khidmat pakar luar operasi Bank;
 - (i) pelaksanaan tugas seorang pegawai bank atau berkaitan dengan kelakuan audit atau pelaksanaan pengurusan risiko;
 - (j) memudahkan pelaksanaan fungsi Bank atau mana-mana ahli Kumpulan;
 - (k) pematuhan kepada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;





- (l) pelaksanaan peraturan korporat;
- (m) sebarang proses undang-undang yang dimulakan atau dilaksanakan ke atas Bank;
- (ii) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada Bank bagi tujuan menyediakan, mengemaskini, menyenggarakan dan meningkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyiasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (iii) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang Bank lantik berkaitan dengan prestasi perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberkeluarkan;
- (iv) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (v) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
- (vi) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional Bank;
- (vii) pencetak bahan bertulis Bank, penjual sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan untuk orang-orang berkenaan memasang dan menyelenggara sistem itu dan lain-lain pembekal barang atau pembekal perkhidmatan yang digunakan oleh Bank
- (viii) mana-mana penerima yang dilantik oleh Bank atau oleh mana-mana pihak lain;
- (ix) mana-mana biro kredit di mana Bank adalah ahli, dan mana-mana ahli lain dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- (x) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- (xi) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab Bank di bawah perjanjian perbankan di antara Bank dengan Penyewa, atau pemegang serah hak, penerima novasi atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana dari mereka;
- (xii) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran Penyewa dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank atau





- institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin lain yang mengendalikan kad atau alat yang Bank luluskan, kepada bank, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen serta kontraktor mereka masing-masing;
- (xiii) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa- kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan;
 - (xiv) mana-mana individu yang Bank atau mana-mana ahli Kumpulan dibenarkan atau diperlukan untuk memberi pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
 - (xv) mana-mana individu lain di mana pendedahan tersebut dianggap oleh Bank adalah untuk kepentingan Bank, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak digunakan untuk perkongsian strategik bagi tujuan pemasaran dan promosi);
 - (xvi) mana-mana individu yang berniat untuk menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah Sewa;
 - (xvii) mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pengekalan sebarang hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (xviii) Biro Kredit Pusat atau mana-mana badan berkuasa atau pertubuhan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana badan peraturan dan/atau badan berkanun;
 - (xix) mana-mana pengarah Penyewa.
23. (i) Penyewa bersetuju bahawa Kumpulan dibenarkan untuk memproses Data Peribadi Penyewa. Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, ungkapan "proses", "memproses", dan "diproses" akan mempunyai makna seperti yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- (ii) "Data Peribadi" mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama Penyewa, tarikh lahir, kad pengenalan, jantina, taraf perkahwinan, bangsa, alamat kediaman semasa, nombor telefon rumah, nombor telefon pejabat, nombor telefon bimbit, alamat e-mel, butiran kad kredit, nama majikan, nama perniagaan yang Penyewa miliki, pekerjaan, nama ibu sebelum berkahwin, kelayakan pendidikan tertinggi, pendapatan tahunan, pengguna ID dan kata laluan Penyewa untuk perbankan internet, maklumat yang terkandung dalam mana-mana akaun Penyewa dengan Bank sama ada secara tunggal atau





bersama mana-mana individu lain dan/atau sebarang maklumat lain yang Bank mungkin terima berkaitan dengan mana-mana akaun Penyewa dengan Bank sama ada secara tunggal atau bersama mana-mana individu lain.

(iii) Tujuan Bank mengumpul Data Peribadi termasuk seperti berikut:

- (a) untuk memproses permohonan Penyewa bagi mana-mana produk dan perkhidmatan perbankan;
- (b) untuk memberikan Bank mempertimbangkan sama ada untuk menyediakan atau terus menyediakan mana-mana produk dan perkhidmatan perbankan kepada Penyewa;
- (c) untuk menyediakan Penyewa dengan perkhidmatan perbankan;
- (d) untuk tujuan pemprosesan data atau pelaporan;
- (e) untuk bertindakbalas terhadap sebarang pertanyaan atau aduan daripada Penyewa;
- (f) untuk mempromosi, meningkatkan dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain Bank atau mana-mana ahli Kumpulan kepada Penyewa;
- (g) untuk tujuan kutipan hutang;
- (h) untuk menguatkuaskan hak dan tanggungjawab Bank di bawah terma ini;
- (i) untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang dan/atau kawal selia;
- (j) untuk memproses arahan Penyewa dan mengeluarkan sebarang surat-menyurat, pengesahan, nasihat dan/atau Penyata Akaun;
- (k) untuk memastikan bahawa maklumat dalam rekod "Customer Due Diligence" Bank adalah tepat; atau
- (l) untuk sebarang pemasaran langsung bagi produk dan perkhidmatan perbankan dan/atau insurans Bank.





- (iv) Data Peribadi Penyewa dikumpul daripada maklumat yang Penyewa telah sediakan kepada Bank dalam borang Permohonan Untuk Menyewa Peti Simpanan Keselamatan dan apa-apa dokumen lain yang telah Penyewa sediakan berkaitan atau selaras dengannya.
- (v) Penyewa wajib menyediakan Data Peribadi kepada Bank seperti mana yang dinyatakan dalam klaus 23(ii) di atas. Jika Penyewa gagal untuk menyediakan Data Peribadi Penyewa kepada Bank, Bank mungkin tidak dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi Penyewa dalam cara yang diuraikan di atas.
- (vi) Penyewa bersetuju dan membenarkan Bank memindahkan Data Peribadi Penyewa di luar daripada Malaysia. Negara-negara lain mungkin tidak dapat menyediakan tahap perlindungan yang sama untuk data berbanding dengan Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh Bank dan Kumpulan akan diberikan tahap perlindungan yang wajar terhadap sebarang kerugian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, perubahan atau pemadaman.
- (vii) Penyewa berhak untuk meminta secara bertulis:
 - (a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Maklumat Penyewa yang dipegang atau disimpan oleh Bank, pada bayaran fi yang ditentukan;
 - (b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh Bank untuk dikemaskini, dipinda dan/atau dibetulkan;
 - (c) untuk Bank mengehadkan pemrosesan Data Peribadi Penyewa yang dipegang atau disimpan oleh Bank; dan
 - (d) untuk bertanya atau membuat aduan berhubung dengan pemrosesan Bank bagi Data Peribadi Penyewa.
- (viii) Penyewa boleh mengajukan permintaan Penyewa ke cawangan perkhidmatan di mana Peti Penyewa ditempatkan.
- (ix) Bank mungkin mengenakan fi untuk memproses permintaan Penyewa untuk mengakses atau membetulkan maklumat Penyewa selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bank juga mungkin enggan mematuhi permintaan Penyewa menurut klaus 23(vii)(a) atau (b) di atas. Jika Bank enggan mematuhi permintaan tersebut, Bank akan memaklumkan Penyewa mengenai keengganan Bank serta sebab keengganan Bank menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.





- (x) Penyewa mengakui bahawa Penyewa telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank (yang boleh didapati di cawangan Bank dan juga di laman web Bank di www.uob.com.my) dan klaus 22 mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi Penyewa. Bagi mengelakkan keraguan, Penyewa bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.
 - (xi) Penyewa bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang Penyewa sediakan kepada Bank adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut telah dikemaskinikan.
 - (xii) Jika Penyewa kemudiannya menarik balik persetujuan Penyewa untuk memproses Data Peribadi Penyewa (selain daripada untuk tujuan pemasaran langsung), Bank tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi Penyewa dalam cara yang diuraikan di atas.
 - (xiii) Penyewa boleh memilih untuk tidak menerima sebarang bahan pemasaran langsung mengenai perkhidmatan dan produk Bank. Penyewa mesti menulis kepada alamat yang dinyatakan dalam terma ini atau alamat lain sedemikian yang Bank telah maklumkan untuk permintaan Penyewa dan Bank akan mengeluarkan nama Penyewa daripada senarai pengiriman pemasaran langsung Bank.
24. (i) Penyewa mesti memaklumkan Bank secara bertulis mengenai sebarang perubahan dalam alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit Penyewa dengan serta-merta.
- (ii) Apa-apa sahaja yang Bank hantar kepada Penyewa mungkin:
- (a) dihantar dengan tangan ke alamat Penyewa yang dinyatakan di atas atau ke alamat lain sedemikian terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (b) dihantar melalui pos prabayar biasa ke alamat Penyewa yang dinyatakan di atas atau ke alamat lain sedemikian terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (c) dihantar melalui transmisi faksimile ke nombor faksimile terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (d) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui oleh Bank;





- (e) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon bimbit terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (f) melalui pemaparan di laman web Bank; atau
 - (g) melalui pemasukan ke dalam mana-mana penyata akaun yang Bank mungkin hantar kepada Penyewa.
- (iii) Apa-apa yang Bank menghantar kepada Penyewa akan dianggap telah diterima oleh Penyewa, iaitu, tanpa mengira sama ada Penyewa telah menerima apa-apa yang telah Bank hantar:
- (a) pada masa penghantaran ke alamat Penyewa, jika dihantar dengan tangan;
 - (b) pada Hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dan jika Bank dapat membuktikan bahawa apa-apa yang Bank hantar telah diposkan dan dialamatkan kepada Penyewa dengan betul;
 - (c) pada masa penyampaian faksimile diselesaikan;
 - (d) pada masa pengeposan elektronik diselesaikan;
 - (e) pada masa penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) diselesaikan;
 - (f) pada masa pengeposan di laman web Bank; atau
 - (g) pada masa penyata akaun dianggap telah diterima oleh Penyewa bergantung pada kaedah komunikasi yang dinyatakan di atas.
- (iv) Hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan terjejas oleh kegagalan pihak Penyewa untuk memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan dalam alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit Penyewa.
- (v) Bank juga mengekalkan hak untuk memberi notis kepada Penyewa melalui cara pengiklanan dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis sedemikian akan dianggap telah diberikan kepada Penyewa pada hari iklan tersebut dipapar dalam surat khabar, tanpa mengira jika Penyewa telah melihat iklan tersebut atau sebaliknya.





25. Bank dan Kumpulan berhak untuk mengambil apa-apa dan segala tindakan yang Bank anggap semunasabahnya perlu, tanpa berunding dengan Penyewa terlebih dahulu, jika Bank diserahkan dengan perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah dalam apa-apa bidang kuasa. Penyewa bersetuju bahawa Penyewa tidak akan mempertanggungjawabkan Bank untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan Bank.
26. Bank akan memaklumkan Penyewa sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh penguatkuasaan sebarang perubahan kepada bayaran Sewa dan/atau sebarang caj lain, sebagaimana kes yang mungkin berlaku dan sebarang pindaannya yang boleh diperkenalkan kemudian oleh Bank dari semasa ke semasa.
27. Dalam kes di mana Peti disewa dalam nama bersama untuk dua atau lebih daripada dua individu, Penyewa akan diikat secara bersama dan berasingan serta tanpa syarat dan dengan muktamad oleh semua terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pemindaan atau pengubahan kepada Terma dan Syarat ini.
28. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki akan termasuk yang perempuan dan neuter dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada bilangan mufrad akan termasuk bilangan jamak dan sebaliknya.
29. Masa merupakan inti pati Terma dan Syarat ini di mana ia dinyatakan.
30. Dalam kes di mana Peti disewa oleh suatu perkongsian, rakan kongsi firma adalah secara bersama dan berasingan serta tanpa syarat dan dengan secara tidak boleh batal diikat oleh semua terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini termasuk sebarang pemindaan atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini. Setiap rakan kongsi dengan ini berjanji untuk melindungi Bank terhadap semua tuntutan, permintaan dan semua liabiliti lain yang mungkin dilakukan atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan Peti, Dengan Syarat bahawa kewajipan dan liabiliti setiap rakan kongsi firma di bawah Terma dan Syarat ini akan kekal dikuatkuasakan walaupun terdapat sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama atau keahlian firma akibat kematian, kebankrapan, persaraan atau sebaliknya atau kemasukan mana-mana rakan kongsi baru.
31. Penyewa bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi lain yang, pada tarikh Perjanjian ini atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh Perjanjian ini, diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, berhubung dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan Peti.





32. Sebarang cukai atau levi lain yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan penggunaan Peti dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Peti akan ditanggung dan dikenakan kepada Penyewa dan jika Bank melakukan pembayaran, Penyewa adalah bertanggungjawab untuk membayar balik Bank amaun sedemikian yang dibayar.
33. Penyewa perlu menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara kediaman cukai dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan bagi membolehkan Bank dan agen-agennya untuk mendokumentasikan Penyewa menurut seksyen 1471 hingga 1474 Kod Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat ("FATCA") atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan. Penyewa perlu memaklumkan Bank secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari apa-apa perubahan yang menjelaskan status cukai Pelanggan menurut sebarang keperluan undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Penyewa perlu menyediakan semua dokumentasi yang diperlukan atau maklumat lain apabila diminta oleh Bank untuk memproses apa-apa perubahan.
34. Penepian atau kegagalan mana-mana pihak di sini untuk menguatkuasakan sebarang hak yang disediakan oleh Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai penepian untuk apa-apa hak selanjutnya atau pada masa hadapan yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini.
35. Jika sebarang peruntukan dalam Terma dan Syarat ini didapati tidak sah atau bertentangan dengan polisi awam atau sebaliknya tidak dapat dikuatkuasakan, ketidaksaaman atau tiada penguatkuasaan sedemikian akan dianggap telah disingkirkan atau diubah sehingga tahap di mana, pada pendapat mahkamah, ia adalah perlu untuk menguatkuasakan baki peruntukan tersebut.
36. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan semua pihak dengan ini menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia.

(BAKI HALAMANINI DENGAN SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG)

